


16 - 31 OGOS, 2021

PENANG 2030

# BULETIN MUTIARA

PERCUMA

BERSATU DAN SETIA

www.buletinmutiara.com | buletinmutiara | ChowKonYeow | chowkonyeow | @ChowKonYeow

# Bangga sebagai sukarelawan PPV putuskan rantaian pandemik

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS & DARWINA MOHD. DAUD**

**DUA** mahasiswa antara 20 Sukarelawan Pembantu Vaksin Malaysia (MyVac) dalam Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) yang bertugas di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) *One Hope Charity and Welfare* (One Hope Charity) dekat *Shop-in D'Park Autocity*.

**MUHAMMAD FARIS IBRAHIM**, 24, mahasiswa Fakulti Pengajian Kimia dan Teknologi Bio Kejuruteraan, Universiti Kuala Lumpur (UniKL MICET), Melaka memberitahu bahawa beliau menjadi sukarelawan di PPV kendalian pertubuhan bukan kerajaan (NGO) berkaitan selama 20 hari sahaja.

"Pada mulanya, saya berhasrat untuk melakukan kerja-kerja sukarelawan di PPV Awam yang dikendalikan secara langsung bawah KKM (Kementerian Kesihatan Malaysia).

"Apabila saya mendapat tahu bahawa NGO (One Hope Charity) ada membangunkan PPV di sini, kebetulan tidak jauh dari rumah saya di Bukit Mertajam, saya mengambil kesempatan memohon untuk menjadi sukarelawan.

"Sejak PPV One Hope Charity ini dibuka (26 Julai 2021), saya dapati suasana di sini sama sekali berbeza dengan PPV lain.

"Selain kapasiti pemberian suntikan vaksin harian yang tidak begitu ramai tiap-tiap hari, kita juga boleh mencerap bunyi kicauan burung dan deru angin, seolah-olah kita masuk ke sebuah PPV yang berada dalam taman tema atau zoo mini," jelasnya kepada Buletin Mutiara ketika ditemui di sini pada 27 Julai 2021.

Difahamkan, kira-kira 20 orang petugas kesihatan KKM turut terlibat dalam pengoperasian PPV NGO berkenaan.

*(Sambungan di muka 6).*



**KETUA Menteri disapa mesra oleh salah seorang penerima vaksin di Tapak Ekspo Seberang Jaya pada 16 Jun lalu.**




**MUHAMMAD Faris Ibrahim (kanan) ketika membantu salah seorang penerima vaksin di PPV One Hope Charity.**



# Vaksinasi *outreach* dekati komuniti



KETUA Menteri memerhatikan proses suntikan vaksin kepada salah seorang penerima pada program vaksinasi *outreach* membabitkan golongan penarik beca, pemandu teksi dan *e-hailing* di sini baru-baru ini.

Gambar : **LAW SUUN TING**

**GEORGE TOWN -** Seramai 165 penarik beca, 110 pemandu teksi dan 25 pemandu *e-hailing* menerima suntikan dos pertama vaksin COVID-19 peringkat Daerah Timur Laut baru-baru ini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow memberitahu bahawa pihaknya berharap agar program *outreach* vaksinasi COVID-19 secara pusat sehenti dilaksanakan oleh Pejabat Exco Pelancongan dan Ekonomi Kreatif, Yeoh Soon Hin bersama-sama Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang (JKNPP) serta agensi berkaitan dapat dirancakkan lagi.

"Di peringkat negeri (Pulau Pinang), kita memulakan inisiatif baharu seperti *outreach*, yang mana unit bergerak akan sampai ke tempat-tempat dan lokasi supaya kelompok kecil melibatkan bilangan sekitar 300 hingga 400 orang dapat menerima suntikan vaksin secara jumpa terus.

"(Program *outreach* vaksinasi COVID-19) ini merupakan strategi baru supaya rakyat kita menerima vaksin," jelasnya yang juga Exco Pembangunan Tanah & Ekonomi dan Komunikasi pada program berkaitan pada 25 Julai 2021.

Sebelum itu, Soon Hin yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Paya Terubong memberitahu bahawa selain operasi pemberian vaksin secara jumpa terus, pusat sehenti yang diadakan di Dewan Sri Pinang pada hari berkaitan turut menawarkan perkhidmatan gunting rambut, pemeriksaan kesihatan penuh, kemudahan memproses lesen khusus kepada penarik beca serta acara agihan bakul makanan kepada semua termasuk pemandu teksi.

## PPV Outreach dekati warga emas, golongan berisiko

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **LAW SUUN TING**

**AIR ITAM –** Kolaborasi Pusat Khidmat Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Itam, Joseph Ng Soon Siang bersama-sama Pejabat Kesihatan Daerah Timur Laut membolehkan 420 warga emas dan golongan berisiko di kawasan berkenaan mendapat suntikan vaksin dos pertama.

Bercakap kepada pemberita, Soon Siang memberitahu bahawa para penerima vaksin berkenaan adalah dari Kampung Melayu, Desa Mawar dan Kampung Pisang yang berkepadatan penduduk tinggi.

"Pada mulanya, kita cuma diberi 300 dos, namun saya merakamkan ucapan terima kasih kepada pejabat kesihatan kerana telah menambah 120 dos lagi kepada penduduk setempat melalui kriteria terpilih iaitu mereka berusia 50 tahun ke atas dan mempunyai penyakit kronik.

"Terima kasih juga diucapkan kepada pihak Sekolah Kebangsaan (SK) Sri Aman, Kampung Melayu yang menyediakan kawasan untuk membolehkan proses suntikan vaksin dijalankan," ujarnya pada Program Mobilisasi Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Outreach Kampung Melayu di sini 30 Julai lalu.

Hadir sama, Pegawai Kesihatan Awam Pejabat Kesihatan Daerah Timur Laut, Zul Fadhli Bidin.

Dalam pada itu, Zul Fadhli menyatakan bahawa program seumpama itu merupakan kali keenam diadakan di peringkat Daerah Timur Laut.

"Kita memang menyasarkan kawasan *'hotspot'* (penduduk) berkepadatan tinggi kerana kita tahu kawasan seperti ini risiko untuk berlaku jangkitan adalah tinggi," ulasnya.



KENDERAAN sentiasa dipantau dan disanitasi demi keselamatan semua pihak.



JOSEPH Ng Soon Siang (kiri sekali) menyantuni salah seorang penduduk dan petugas kesihatan yang turut sama menjayakan Program Mobilisasi PPV Outreach Kampung Melayu di sini baru-baru ini.




Oleh: **AZMI HUSSIN**



# Kerja-kerja fizikal RTB Sungai Pinang mula Januari 2022

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**DATUK KERAMAT -** Proses tender bagi fasa tiga Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Sungai Pinang akan dilaksanakan pada suku ketiga tahun ini, sementara kerja-kerja fizikal berkaitan dijangka mula pada awal bulan Januari 2022.

Mengulas lanjut, Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan, Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo berkata bahawa status semasa projek tersebut adalah pada peringkat penyediaan reka bentuk terperinci oleh perunding, yang mana telah memakan masa lebih panjang daripada perancangan asal akibat pandemik COVID-19.

"Tender untuk kontraktor masuk bagi melaksanakan kerja adalah setelah kerja perundingan selesai tidak lama lagi.

"(Dan) yang paling penting adalah kita harap kerja-kerja fizikal untuk pelebaran dan pendalaman RTB Sungai Pinang dapat dimulakan pada Januari tahun depan," ujar beliau dalam satu sidang media sempena acara penyampaian bakul makanan peringkat Parlimen Jelutong di Masjid Acheh Kebun Lama di sini pada 19 Julai lalu.

Hadir sama, Ahli Parlimen Jelutong, R.S.N. Rayer; Ketua Penolong Setiausaha Kanan Bahagian Kerajaan Tempatan, Nor 'Aishah Md. Norodin serta Jurutera Awam Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Pulau Pinang, Ir. Hanizan Mukhtar.

Jagdeep yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat turut menjelaskan bahawa kos keseluruhan bagi projek tersebut adalah bernilai kira-kira RM600 juta, dengan RM150 juta baru diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan.

"RM600 juta itu bukan sahaja kos bagi kerja-kerja fizikal, tetapi meliputi projek rawatan air.

"Bagi Kerajaan Negeri, kerja-kerja fizikal mesti dijalankan dahulu, projek rawatan boleh menyusul selepas itu.



KEADAAN Sungai Pinang kini.

"Kita jangkakan RTB Sungai Pinang akan memakan masa selama empat tahun untuk disiapkan sepenuhnya," katanya.

Dalam perkembangan lain, Jagdeep memberitahu bahawa program Penang Saring COVID-19 (PSC-19) akan diteruskan pelaksanaannya di Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) secara bersasar.

"Penduduk dan individu yang ingin membuat saringan boleh mendaftar untuk sesi saringan di lokasi yang tertera di laman sesawang *https://penangsaring.selangkah.my* atau melalui Pusat Khidmat ADUN/ Penyelaras KADUN masing-masing," jelasnya lagi sambil berharap penduduk setempat mengambil kesempatan menyertai program saringan massa yang dianjurkan oleh Kerajaan Negeri secara percuma tersebut.




JAGDEEP Singh Deo (kanan sekali) ditemani R.S.N. Rayer (dua dari kanan) dan pihak berkaitan ketika mengadakan tinjauan ke projek RTB Sungai Pinang di sini baru-baru ini.

# Bank makanan PPSN bantu komuniti nelayan



BARANGAN keperluan diedarkan kepada penerima yang layak.

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **PPSN**

**PUSAT** Perkhidmatan Setempat Nelayan (PPSN) yang ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk membantu menjaga kepentingan dan kebajikan masyarakat tempatan khususnya komuniti nelayan di kawasan selatan pulau negeri ini telah mewujudkan program bank makanan pada awal bulan Julai 2021.

Tujuan program tersebut adalah untuk membantu masyarakat dan komuniti nelayan yang terjejas akibat pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) berterusan bertujuan membendung perebakan COVID-19.

Menurut Pegawai Informasi PPSN, **MOHAMMAD QHIDIR SUBRI**, pihaknya mendapati bahawa ramai dalam kalangan penduduk di kawasan selatan pulau Pulau Pinang terkesan akibat pelaksanaan PKP berlanjutan.



IR. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman.

"Ada dalam kalangan mereka terutama nelayan yang lanjut usia kehilangan kerja serta tidak mempunyai pendapatan, dan kerana pandemik COVID-19 mereka tidak dapat mencari pekerjaan lain," katanya.

Tambah beliau, bantuan seperti beras dan keperluan barangan dapur lain akan dihantar terus kepada penerima yang telah dikenal pasti selain ada yang hadir ke PPSN untuk mengambilnya.

Difahamkan sehingga Julai 2021, seramai 80 penerima memperoleh manfaat daripada program bank makanan berkaitan yang kebanyakannya adalah terdiri daripada nelayan lanjut usia, ibu tunggal dan orang kurang upaya (OKU).

Mengulas mengenai perancangan masa hadapan, Mohammad Qhidir memberitahu bahawa pihaknya berhasrat untuk meneruskan program kemasyarakatan tersebut.

"Sesiapa pun tidak tahu sampai bila wabak COVID-19 akan hilang, dan PPSN sendiri akan berusaha untuk meneruskan program ini," katanya sambil mengalu-alukan mana-mana pihak yang ingin membantu supaya menyalurkan keperluan seperti beras, gula, minyak masak, telur, kicap, tepung, susu pekat, serbuk kopi atau teh dan lain-lain keperluan yang wajar.

Beliau menyatakan bahawa baru-baru ini, sempena sambutan Hari Raya Aidiladha, PPSN mengagihkan ayam dan daging kepada 200 keluarga di Permatang Damar Laut, Teluk Kumbar, Sungai Batu dan Gertak Sanggul.

"Orang ramai atau mana-mana pihak yang ingin memberikan sumbangan bagi meneruskan program bank makanan ini boleh menghubungi talian 1-800-88-6393 atau berkunjung ke PPSN di Permatang Damar Laut atau di Gertak Sanggul," maklumnya.

Dalam pada itu, Setiausaha Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Bukit Gemuruh, **RUSMAWATI HASHIM** menyambut baik program bank makanan yang diusahakan oleh PPSN.

"Saya berharap pihak PPSN dapat meneruskan program ini dan terus membantu masyarakat serta komuniti nelayan yang terhimpit akibat pelaksanaan PKP," ulasnya.

Bagi **ZINAB SAID**, 46, yang merupakan salah seorang penerima bantuan melalui program bank makanan berkaitan menzahirkan kesyukuran serta penghargaan atas keprihatinan PPSN.

"Ada dalam kalangan kami (penerima) ni yang hilang pekerjaan serta tidak dapat bekerja akibat pandemik. Malah ada yang gajinya dipotong kerana sekatan pergerakan yang dilaksanakan.

"(Dan) dengan adanya bantuan seperti ini, dapatlah mengurangkan sedikit bebanan perbelanjaan yang perlu dihadapi," responsnya.

Dalam pada itu, Pengerusi Jawatankuasa Taskforce Nelayan, **DATO' IR. AHMAD ZAKIYUDDIN ABDUL RAHMAN** berkata bahawa peranan yang dimainkan oleh PPSN hakikatnya adalah lebih luas.

"Sebelum ini, orang ramai hanya melihat PPSN sebagai pusat untuk membantu menguruskan hal-hal berkaitan nelayan yang terlibat dalam Projek Tambakan Laut di Selatan Pulau Pinang (PSR) sahaja.

"Salah satu peranan PPSN adalah menjaga kebajikan masyarakat setempat khususnya nelayan, dan sebagai sebuah pusat pada peringkat akar umbi, PPSN mewakili Kerajaan Negeri memberikan bantuan kepada mereka yang memerlukan di kawasan selatan pulau ini," ujarnya yang juga merupakan Timbalan Ketua Menteri I dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pinang Tunggal.

Sebagai rekod, sejak ditubuhkan pada tahun 2016, PPSN telah menghulurkan pelbagai bentuk bantuan termasuk kepada mangsa kebakaran, membaiki rumah kampung yang usang serta memberi sokongan terhadap pelbagai program kemasyarakatan di negeri ini.

Malah, ketika Pulau Pinang dilanda ribut dan banjir besar pada November 2017, PPSN telah memberi bantuan kepada mereka yang terjejas.



PETUGAS di PPSN turun padang mengedarkan bantuan melalui program bank makanan kepada penerima layak.

## Warga emas dibantu

**PENAGA –** Menetap di Kampung Dua Puluh Tepi Laut dekat Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Penaga, **MOHD. DESA MAT YAHYA**, 80, bukan hanya hidup sebatang kara malah juga merupakan orang kurang upaya (OKU) penglihatan.

Setelah mendapat maklum balas penduduk setempat, Pegawai Penyelaras Khas Kepada Ketua Menteri, Lay Hock Peng terus menziarahi individu berkenaan serta menyampaikan bakul makanan.

"Kebiasaannya, Encik Mohd. Desa dijaga oleh adiknya yang berusia 70 tahun serta anak perempuan adik beliau.

"Kehidupan asal mereka sudah agar sukar, namun wabak (COVID-19) semasa ini menjejaskan lagi kehidupan mereka.

"Penduduk tempatan telah memberitahu kepada Pasukan Perkhidmatan Pejabat kami agar keluarga berkenaan dapat dibantu," katanya dalam satu kenyataan di sini pada 25 Julai 2021.

Turut serta, Ketua Pasukan Pusat Khidmat Pegawai Penyelaras Khas Ketua Menteri, Mohd. Yusri Mustafa.

Di samping itu, Hock Peng memberitahu bahawa pihaknya turut membantu apabila dimaklumkan bahawa Mohd. Desa masih belum mendapatkan suntikan vaksin.

Dalam perkembangan berkaitan, Hock Peng menyatakan bahawa pihaknya banyak mendapat laporan mengenai warga emas yang terjejas hidup akibat pelaksanaan fasa-fasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

"Pihak kami akan terus membantu setakat mana yang terdaya demi kebajikan semua pihak di kawasan ini,'' ulasnya.



LAY Hock Peng (dua dari kiri) menyampaikan bantuan barangan keperluan asas kepada warga emas yang tinggal sebatang kara dekat Kampung Dua Puluh Tepi Laut di sini baru-baru ini.

# Permintaan pelanggan setempat kurangkan impak pandemik

KES baru jangkitan COVID-19 yang kini telah mencecah lima angka sehari pastinya memberi kesan yang amat teruk kepada rakyat terutamanya peniaga dan penjaja kecil.

Wartawan Buletin Mutiara **WATAWA NATAF ZULKIFLI** bersama-sama jurugambar, **DARWINA MOHD. DAUD** dalam siri tinjauan sehari ke Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Jawi baru-baru ini cuba mendekati beberapa peniaga kecil yang terkesan dalam tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang kini diganti dengan Pelan Pemulihan Negara (PPN).



MOHD. Ali Mohd. Jabar.

Ali Bagus Enterprise atau juga dikenali sebagai Kedai Kassim yang telah bertapak di pekan Nibong Tebal sejak 59 tahun lalu turut tidak terkecuali daripada mengalami kemerosotan perniagaan.

"Di sini kami jalankan perniagaan makanan seperti mi goreng, mi rebus, mi Jawa, bihun goreng bersama cucur dan pasembur yang menjadi kegemaran penduduk setempat.

"Majoriti orang lama di sini memang sukakan masakan asal, dan apa yang menarik sudah tentunya mi rebus kerana kami menggunakan kuah udang laut.

"Namun begitu, sejak pelaksanaan PKP, perniagaan kami telah merosot sehingga 30 peratus akibat polisi yang tidak membenarkan pelanggan makan di kedai selain ramai yang tidak bekerja dalam tempoh ini," ujar **MOHD. ALI MOHD. JABAR**, 48, selaku pemilik perniagaan tersebut.

Ditanya mengenai penggunaan aplikasi digital, Mohd. Ali menolak perkara tersebut sambil menyifatkan masakan di kedainya lebih kepada orang tempatan semata-mata.

"Walaupun berdepan tempoh sukar dan mengalami kemerosotan hasil jualan seharian, namun saya masih menaruh kepercayaan kepada pelanggan tetap yang kebanyakannya terdiri daripada masyarakat tempatan.

"Kalau cakap mengenai penambahan cawangan pula, saya fikir masanya belum tiba kerana untuk menguruskannya bukanlah suatu perkara yang mudah.

"Apa yang mampu dilakukan sekarang adalah berdoa agar COVID-19 ini cepat berlalu supaya kita semua boleh kembali hidup seperti biasa dan dapat mencari sumber pendapatan," jelasnya yang telah mewarisi perniagaan keluarga.

Difahamkan, perniagaan Mohd. Ali masih mengekalkan harga yang agak murah iaitu serendah RM2.50 bagi sajian utama walaupun harga barangan mentah mengalami kenaikan mutakhir ini.

Dalam pada itu, perniagaan biskut dan pau Chop Chuan Guan pula mengambil pendekatan penggunaan aplikasi digital untuk menangani impak kemerosotan pelanggan.

Pemiliknya, **KHOR WOOI KIAT**, 45, ketika ditemui memberitahu bahawa perniagaan yang telah wujud sejak lebih 100 tahun itu terpaksa menggunakan perkhidmatan perniagaan digital iaitu *Shopee* dan *Lazada* sebagai medium jualan baharu.

"Sebelum PKP, anggaran jualan kira-kira 1,000 kotak biskut sehari, sekarang merosot kepada 500 kotak sahaja.



PASEMBUR antara juadah istimewa di Kedai Kassim.



KHOR Wooi Kiat menunjukkan produk-produk keluaran premisnya.

"Kebanyakan biskut yang dijual adalah tempahan untuk pelbagai majlis, tetapi dalam tempoh PKP ini, memang majlis tidak dibenarkan jadi ia memberikan kesan yang amat ketara.

"Jualan dalam talian memang sudah mula sebelum PKP, dalam tempoh itu lebih ramai pesan melalui *online* sahaja sebab nak datang kedai mungkin ada yang dari daerah lain," ujarnya yang merupakan generasi kelima menjalankan perniagaan berkaitan di Jalan Pengkalan Rawa.



JASON H'ng Mooi Lye.

Namun begitu, menurut Wooi Kiat, permintaan terhadap produk perniagaannya iaitu '*tau sar piah*' atau dikenali sebagai biskut tambun masih lagi tinggi khususnya oleh pembeli dari luar Pulau Pinang.

"Oleh itu, saya merancang untuk menambah beberapa lagi produk baharu pada masa hadapan," ulasnya.

Seorang lagi peniaga yang memiliki gerai jualan mi dekat Lorong Serindit Jawa, Nibong Tebal, **ANG GAIK GAIK**, 51, mendakwa bahawa perniagaan beliau susut kira-kira 30 peratus sejak berlakunya penularan pandemik COVID-19.

"Sekarang orang ramai tidak boleh makan di kedai, jadi perniagaan agak merosot sedikit dalam anggaran 30 peratus, tetapi nasib baiklah saya sudah mula menggunakan aplikasi digital untuk penghantaran.



ANG Gaik Gaik.

"Jadi sedikit sebanyak masih boleh raih untung, sudah 26 tahun berniaga, dua tahun ini paling teruk sekali," jelasnya yang turut menyediakan *Hokkien Mee*, *Hokkien Ta* dan laksa.

Gaik Gaik menjalankan perniagaannya sebagai sarapan pagi hingga bekalan bahan mentahnya habis.

Peniaga minuman, **LIM ENG KOK**, 61, dalam pada itu mendakwa bahawa perniagaannya merudum sehingga 80 peratus.

"Pandemik yang melanda kali ini telah memberi kesan yang amat teruk kepada kami penjaja kecil kerana pelanggan semua 'hilang'.

"Saya harap COVID-19 berlalu dengan cepat, kita mahu berniaga macam biasa balik, tidak boleh tahan dengan keadaan sekarang," maklumnya yang menjalankan perniagaan di situ selama 30 tahun.

Sementara itu, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Jawi, Jason H'ng Mooi Lye yang turut serta menyatakan bahawa para penjaja kecil kini perlu mengadaptasi dengan jualan dalam talian dan aplikasi digital.

"Saya galakkan mereka menggunakan segala medium penghantaran secara dalam talian yang ada kini kerana pendekatan berkaitan dilihat mampu menaikkan sedikit jualan produk masing-masing.

"Ini termasuk penjaja pasar malam yang mana tidak boleh berniaga sejak bulan Mei hingga kini,'' ulasnya yang turut menyatakan bahawa pihaknya akan sedaya upaya menyalurkan bantuan sesegera mungkin kepada golongan perlu.

# RFP projek sulung LPNPP jangka buka Oktober

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**

**GEORGE TOWN** – Projek pembangunan Rumah Mampu Milik (RMM) yang julung kali bakal dimajukan Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang (LPNPP) dekat Bukit Gedung, Bayan Baru kini dalam proses penyediaan dokumen secara tender terbuka.

Perkara tersebut dimaklumkan oleh Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan, Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo pada sidang media di sini 22 Julai lalu.

Jagdeep menyatakan bahawa pada ketika ini, pelaksanaan kerja-kerja ukur tanah telah selesai dan Proposal Permohonan Cadangan (RFP) secara tender terbuka dijangka dapat dibuka seawal bulan Oktober ini selama tempoh satu bulan.

Menurut beliau, berkemungkinan kerja-kerja pembinaan akan ditawarkan kepada pemaju yang layak pada Disember 2021.

"Projek sulung RMM Bukit Gedung ini akan dibangunkan di atas sebidang tanah berkeluasan 7.6 ekar dengan meliputi 253 unit jenis RMM kategori B dengan keluasan 700 kaki persegi dan 1,014 RMM (kategori C3) di bawah harga siling RM300,000.

"Pelbagai kelengkapan dan kemudahan termasuk 21 unit komersial tiga tingkat akan disediakan di projek LPNPP Bukit Gedung ini," ujarnya yang juga merupakan Ahli Lembaga Pengarah LPNPP.

Tambah Jagdeep, pembangunan RMM berkenaan adalah projek sulung di antara 10 projek yang telah dikenal pasti akan dibangunkan LPNPP sendiri di seluruh lima daerah di negeri ini.

"Kesepuluh projek pembangunan RMM di bawah LPNPP bakal merangkumi 20,912 unit keseluruhannya.

"Kerajaan Negeri akan terus berusaha memperjuangkan pembinaan RMM kepada rakyat Pulau Pinang, dan kini telah menyasarkan sehingga 220,000 unit dapat disediakan menjelang 2030," tambahnya.

*(Sambungan dari muka 1).*

## Imuniti kelompok, peranan semua

Bercerita lanjut, Muhammad Faris memberitahu bahawa sebagai mahasiswa, sudah tentu beliau juga terpanggil untuk mengambil bahagian dalam menjayakan PICK.

"Semasa mengambil keputusan untuk menjadi sukarelawan di bawah MyVac, saya tidak mempunyai jangkaan yang tinggi, sebaliknya saya membayangkan PPV yang dibuka oleh NGO ini mungkin akan memberi tumpuan kepada gender tertentu seperti OKU (orang kurang upaya).

"Seperti dijangka, apabila melihat di pintu masuk utama telah ada kerusi roda, yang sudah tentu memerlukan tenaga sukarelawan, saya berasa gembira dan bangga kerana dapat mengambil bahagian dalam memberi khidmat bagi menjayakan PICK ini," ujarnya.

Berbaki pengajian kira-kira tiga tahun lagi, calon pemegang Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Kimia itu memberitahu bahawa sesi pengajian secara dalam talian bagi semester baharu bermula pada 7 Ogos ini.

Berusia 20 tahun, **WOON ROU TIAU** yang merupakan mahasiswi Fakulti Kejuruteraan Universiti Malaya, Kuala Lumpur berkata bahawa beliau turut berbangga kerana dipilih untuk menjadi sukarelawan di PPV kendalian One Hope Charity.

"Kira-kira setahun saya telah menempuhi kuliah peringkat universiti awam secara dalam talian, tidak ada proses pengajian secara bersemuka dan ini merupakan antara pengalaman yang dilalui dalam normal baharu.

"Apabila mendapat tahu bahawa ramai kawan-kawan sebaya di universiti mengambil bahagian sebagai sukarelawan di bawah MyVac, saya segera memohon juga di sini kerana tidak jauh dari rumah saya dekat Bukit Mertajam.

"Semasa cuti semester, kami mahasiswa memang tidak ada sebarang aktiviti, daripada terus duduk di rumah, adalah bagus untuk terlibat sama membantu kerajaan memutuskan semua rantaian perebakan COVID-19.

"Jadi, dengan dorongan kawan-kawan universiti, saya segera memohon untuk menjadi sukarelawan dan berasa begitu gembira serta bangga kerana terpilih berkhidmat di sini," ujarnya yang turut berkongsi bahawa beliau akan menjadi sukarelawan MyVac selama dua bulan.

Ditanya mengenai perasaannya setelah dua hari berkhidmat di PPV kendalian One Hope Charity, Rou Tiau menyatakan bahawa paling penting adalah semua pihak mesti mengamalkan prosedur operasi standard (SOP) berkaitan.

"Kalau difikirkan perasaan takut dan bimbang, saya yang menganggap diri sebagai sebahagian anggota barisan hadapan di sini juga berasa bimbang dengan risiko kerana terlibat membantu orang awam yang mahu mendapatkan vaksin di sini.

"Tetapi, semua kita tahu bahawa untuk memastikan negara dan negeri ini kembali bebas daripada ancaman COVID-19, populasi (dewasa) mesti melepasi 80 peratus, baru capai imuniti kelompok.

"Maka, untuk mencapai semua ini…memerlukan lebih ramai tenaga sukarelawan termasuk mahasiswa untuk kerja-kerja teknikal seperti mengemas kini data, dan sebab itu saya memohon (menjadi sukarelawan di bawah MyVac)," jelasnya.

Dalam perkembangan lain, Buletin Mutiara turut menjejaki seorang individu yang secara sukarela menyediakan van sendiri bagi membawa penumpang sekitar Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Sungai Puyu ke PPV berkaitan.

**OOI CHENG POH**, 62, pada mulanya enggan berkongsi kisah kerana menganggap program amal tersebut bukan tujuan mencari publisiti.

Namun, setelah dipujuk, beliau yang juga Pengerusi Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Thamby Kecik bersetuju jua.

"Semua orang pun takut terhadap risiko wabak COVID-19, tetapi kena ada yang memikul tanggungjawab ini (iaitu membawa mereka yang ada janji temu ke PPV berkaitan), menolong mereka dalam keadaan pandemik ini.

"Saya menjadi pemandu secara sukarela, membantu bawa penduduk dari KADUN Sungai Puyu ke PPV, setiap minggu enam hari secara percuma," ringkas penjelasannya.

Di samping itu, Cheng Poh turut berkongsi cerita mengenai amalan sanitasi yang dilakukannya tiap-tiap hari memandangkan van tersebut digunakan untuk mengangkut penduduk lokal.

"Kita jaga kita, nak selamat saya mesti jaga diri dan mesti memastikan kenderaan ini juga selamat untuk semua.

"Jadi, apa yang saya boleh buat adalah sanitasi van ini sebelum menghantar mereka yang perlukan bantuan ke PPV.

"Semua penduduk mesti dapat janji temu terlebih dahulu, baru boleh saya bantu mereka," ulasnya yang berharap negara dan negeri ini segera bebas daripada wabak COVID-19.



**OOI Cheng Poh (kanan sekali) membantu membawa penduduk dari KADUN Sungai Puyu ke PPV secara percuma.**




**WOON Rou Tiau.**




***PPV One Hope Charity dekat Shop-in D'Park, Autocity yang berkonsepkan dalam taman.***

# Usaha sama promosi jualan penjaja, peniaga kecil

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **LAW SUUN TING**

**GEORGE TOWN –** Golongan penjaja dan peniaga kecil merupakan antara yang teruk terkesan akibat pandemik COVID-19 terutamanya dengan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Keadaan menjadi lebih sukar apabila ada dalam kalangan kakitangan di sesebuah syarikat diberhentikan dan terpaksa memilih untuk berniaga sebagai 'jalan keluar' bagi menampung keperluan harian.

Pelbagai jenis bantuan disediakan oleh pihak kerajaan sama ada secara tunai mahupun subsidi khas untuk membantu golongan berkaitan meneruskan kelangsungan perniagaan serta kehidupan.

Malah, Kerajaan Negeri Pulau Pinang juga memberi bantuan kewangan secara *'one-off'* menerusi Pakej Bantuan Rakyat Pulau Pinang serta pengecualian sewa premis daripada pihak berkuasa tempatan (PBT).

Baru-baru ini, Buletin Mutiara sempat menghubungi tiga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) bagi mendapatkan pandangan berhubung bentuk bantuan yang ditawarkan sehingga kini kepada golongan penjaja serta peniaga kecil di negeri ini.

Antaranya ADUN Air Itam, **JOSEPH NG SOON SIANG** yang membantu peniaga-peniaga kecil dengan mempromosikan produk jualan mereka kepada umum di sekitar Air Itam.

"Misalnya, kalau saya dihubungi organisasi tertentu untuk salurkan bantuan berbentuk makanan, memang kita akan beri cadangan supaya dapatkan bekalan daripada peniaga-peniaga di Air Itam seperti pasar awam, kompleks makanan dan sebagainya.

"(Dan) secara tidak langsung inisiatif ini membantu peniaga-peniaga kecil untuk menjana pendapatan," ujarnya.



**JOSEPH Ng Soon Siang (berbaju hitam) ketika menyampaikan bantuan bakul makanan kepada salah seorang penerima.**



**MOHD. Tuah Ismail (kanan) menyampaikan bantuan kepada salah seorang penduduk KADUN Pulau Betong.**



**A. Kumaresan pada sesi turun padang baru-baru ini.**

Menurut Soon Siang, bantuan berbentuk keperluan asas harian juga tidak henti-henti disalurkan sebanyak enam kali seminggu.

"Bagi makanan siap dimasak pula, kita buat edaran 150 hingga 200 pek makanan setiap hari melalui Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK)… kalau hari ini kita bagi untuk MPKK Kampung Melayu contohnya, esok MPKK Kampung Pisang, lusa MPKK Happy Valley dan seterusnya," katanya.

Di Pulau Betong pula, ADUN kawasan, **MOHD. TUAH ISMAIL** mengambil pendekatan membantu usahawan kecil yang kehilangan kerja dengan memberi bantuan peralatan memulakan perniagaan.

"Salah seorang daripadanya adalah bekas pengurus hotel yang kehilangan pekerjaan dan kini menjadi peniaga air di tepi jalan setelah mendapat bantuan peralatan.

"Saya juga akan borong teh ais yang dijualnya untuk diberikan kepada barisan petugas yang terlibat dalam agihan bantuan COVID-19 dan sebagainya.

"Waktu pandemik sekarang agak getir kepada semua pihak, saya turut mengadakan perbincangan bersama-sama YB Jagdeep Singh Deo (Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan, Perancangan Bandar & Desa), Dato' Abdul Halim Hussain (Exco Perdagangan, Industri dan Pembangunan Usahawan) untuk mewujudkan situasi menang-menang antara pihak Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) serta peniaga kecil yang semakin ramai sekarang ini," ulasnya yang turut membantu usahawan tani di kawasan terbabit.

Dalam pada itu, **A. KUMARESAN**, selaku ADUN Batu Uban ketika dihubungi memaklumkan bahawa beliau mengambil kesempatan mempromosikan perniagaan peniaga kecil melalui platform media sosial.

"Justeru, kepada rakan serta pengikut media sosial boleh mengetahui dengan lebih lanjut tentang perniagaan di Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Batu Uban dan seterusnya mereka boleh terus ke lokasi.

"Dalam tempoh pandemik ini, diakui memang ramai terpaksa menjadi penjaja kecil demi meneruskan kehidupan mereka.

"Perkara ini memang ada kita bincangkan bersama-sama MBPP agar kelonggaran diberikan sementara waktu untuk mereka beroperasi di saat pandemik yang belum reda ini," katanya yang turut menggalakkan para peniaga dan penjaja kecil berjinak-jinak dengan urus niaga secara dalam talian.




# Zon Jelapang Padi Sungai Acheh,

DAERAH Seberang Perai Selatan (SPS) juga mempunyai jelapang padi yang begitu luas dekat Sungai Acheh dan Sungai Chenaam.

Sehingga kini, di sini masih boleh menuai padi dua kali dalam setahun, tidak seperti di negeri-negeri lain yang menghadapi pelbagai masalah meruncing seperti musim kemarau yang panjang.

Demikian perkongsian **ABDUL HALIM DIN**, 64, yang merupakan Ketua Unit Kampung Sungai Tongkang, Persatuan Peladang Kawasan (PPK) Sungai Acheh ketika ditemui baru-baru ini.

"Macam tahun ini (2021), tengok kepada keadaan, *okay* sebab masalah cuaca… kan.

"Kita buat padi, setahun dua kali (iaitu) bermula dengan 'serak' (tanam benih secara tabur terus) pada akhir bulan Mac dan awal bulan April.

"Jangka masa antara 'serak' padi dan menuai adalah antara 100 hari hingga 120 hari, bergantung kepada jenis padi yang diserak.

"Buat bendang ini, masa perlu air, air kena cukup, alhamdulillah elok.

"Tetapi, semasa proses pendebungaan, kalau kerap hujan, mungkin banyak padi luruh, jadi daripada segi kualiti hasil padi akan jadi kurang cantik," jelasnya kepada wartawan Buletin Mutiara, **ZAINULFAQAR YAACOB** dan jurugambar **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS** baru-baru ini.

Pun begitu, Abdul Halim memberitahu bahawa di sekitar Kampung Chenaam dan Sungai Acheh ketika ini payah untuk mencari tuan tanah yang mahu menyewakan tanah mereka bagi tujuan penanaman padi.

Ada pelbagai faktor, tambah beliau, antaranya adalah rata-rata pesawah berasa begitu berbaloi mengerjakan tanah bendang masing-masing berbanding menyewakannya kepada orang lain.

"Kalau per hektar, di kawasan ini, boleh dapat hasil kasar menuai (padi) dalam enam hingga lapan tan (bagi satu-satu musim) dengan syarat pesawah kena rajin.

"Semasa kena membaja, baja; semasa kena 'merumput' (meracun), kena racun ikut masa yang tetap serta kesesuaian jenis racun juga kena tepat.

"Petani di Sungai Acheh ini ada yang mengusahakan padi sampai 10 hektar dan ada juga yang mengusahakan setengah hektar sahaja, mengikut keluasan tanah yang mereka miliki.

"Macam saya, mengusahakan kira-kira empat relung (menyamai kira-kira) empat hektar," jelasnya yang juga merupakan Pengerusi Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Sungai Acheh.

Ditemani Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bukit Tambun, **GOH CHOON AIK** yang juga 'ADUN Angkat' bagi Sungai Acheh, kehadiran Buletin Mutiara ke sini baru-baru ini kebetulan adalah pada musim menuai padi.

## Ambil kira faktor cuaca

Lama juga kami menunggu jentera di atas 'ban', mahu melihat sendiri sistem menuai cara moden.

Abdul Halim menyatakan bahawa sekiranya ingin menuai, mesti mengambil kira cuaca, dan tidak boleh semasa hujan.

"Tengok pada mesin menuai padi, patut boleh bergerak pada jam 10 pagi, tetapi kena tengok pada cuaca juga.

"Kalau mesin boleh beroperasi elok, tidak ada masalah, tetapi langit gelap, operasi mesti ditangguhkan.



ABDUL Halim Din menunjukkan contoh tangkai padi yang 'berisi penuh' di jelapang padi Sungai Acheh.

"Sebab, kalau 'ambil' padi semasa hujan, padi ini nanti dia 'tak keluar'," selorohnya.

## Ancaman serangga perosak

Selain faktor cuaca yang menjadi cabaran semasa musim menuai, Abdul Halim memberitahu bahawa mereka paling takut ancaman serangga perosak.

Maka sebab itulah, kata beliau, rata-rata pesawah mesti kenal pasti jenis serangga perosak terlebih dahulu, kemudian menggunakan racun yang tepat supaya berkesan menjaga hasil perladangan mereka.

"Serangan serangga, bena perang pun ada; ulat gulung daun pun ada…itu semua memang menjejaskan hasil pertanian.

"Bagi mengelakkan serangan serangga, para petani kena pakai racun yang betul," ulasnya.

## Pulangan berbaloi

Di samping itu, Abdul Halim turut menjelaskan bagaimana harga hasil padi dibeli pada peringkat kilang.

"Harga yang kilang bayar kepada petani adalah RM1,200 untuk satu tan.

"Hasil bersih, kalau ditolak 20 peratus untuk satu tan padi, bermakna dipotong 200 kilogram (kg), tinggal 800 kg.

"(Tujuan) potong 20 peratus sebab ada tangkai padi tiada isi, ada padi lembab dan 'kosong'…sebab itu masa nak menuai kalau boleh tak nak hujan langsung," ceritanya.

Walaupun ada kaedah pemotongan 20 peratus beratan padi pada peringkat kilang, Abdul Halim menyatakan bahawa para pesawah masih berasa berbaloi kerana ada subsidi daripada Kerajaan Persekutuan.

*(Sambungan di muka 9).*




GOH Choon Aik (berbaju putih) merakamkan gambar dengan tiga individu yang menjadi antara 'tulang belakang' di sebalik 'jelapang padi' Sungai Acheh.

*(Sambungan dari muka 8).*

# Sungai Chenaam tarikan agropelancongan



ANTARA penerima bantuan di bawah Program Bakul Makanan Peringkat KADUN Bukit Tambun.

Mengusaha bendang sejak lebih 30 tahun lalu, Abdul Halim mengakui bahawa pelbagai kemudahan moden kini turut memudahkan kerja-kerja di bendang.

"Macam nak meracun, sekarang sudah boleh pakai dron (dengan tempoh) lima minit per hektar.

"Macam saya yang dah buat bendang kira-kira 30 tahun, tetapi masa dahulu saya buat sedikit (atas sebab ada kerja lain), tetapi sekarang saya buat banyak (seluas empat hektar).

"Selain daripada subsidi kerajaan, petani juga ada dapat bantuan racun bersubsidi.

"Bentuk-bentuk bantuan lain yang petani dapat adalah (kos sewaan) traktor yang dibayar ikut keluasan perusahaan.

"Di (kawasan Jelapang Padi) Sungai Acheh, saya sendiri mengusahakan tanaman padi atas tanah sendiri, payah nak jumpa petani sewa tanah orang lain.

"Sekarang… kalau nak sewa bendang pun, dah tiada ada orang nak bagi sewa sebab semua nak buat bendang kalau ada tanah sendiri.

"Petani rasa bukan sahaja mudah nak buat bendang (dengan pelbagai kemudahan kejenteraan moden pertanian), malah ada pelbagai bantuan daripada kerajaan yang membolehkan mereka berasa berbaloi," jelasnya.

## Zon Jelapang Padi

Sebelum itu, Choon Aik menjelaskan bahawa di daerah SPS, memang mempunyai Zon Jelapang Padi yang begitu luas.

Dalam Publisiti dan Penyertaan Awam bagi Draf Rancangan Tempatan Seberang Perai 2030 anjuran Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) baru-baru ini, beliau berkata bahawa pihaknya bersyukur kerana Zon Jelapang Padi sedia ada di SPS dikekalkan dalam arus perancangan pembangunan masa depan untuk tempoh sedekad sehingga tahun 2030 nanti.

"Zon Jelapang Padi ini, adalah suatu pengezonan khusus yang mana tidak boleh diubah langsung, tidak seperti zon pertanian (ladang dan penternakan) boleh diubah kepada zon pembangunan (kawasan perumahan atau komersial).

"(Tujuan) pengezonan jelapang padi ini dikekalkan adalah untuk memastikan bekalan beras di negeri ini khususnya dan negara ini umumnya adalah mencukupi.

"Tujuan kedua, kawasan jelapang padi juga menjadi kawasan tadahan semula jadi (macam hutan).

"Dahulu, di Bayan Baru dan Bayan Lepas juga mempunyai jelapang padi (macam di Sungai Acheh dan Sungai Chenaam), namun, selepas ditambun tanah dan dibangunkan (menjadi bandar baharu Bayan Baru), kini beberapa kawasan menghadapi risiko banjir kilat.

"Jadi, di SPS ini, jelapang padi sedia ada (dekat Sungai Acheh dan Sungai Chenaam) yang merupakan kawasan tadahan air semula jadi perlu dikekalkan kerana tanah-tanihnya memang sangat sesuai untuk tanaman padi…setahun dua musim (menuai)," ulasnya.

## Aktiviti pertanian

Bagi Choon Aik, aktiviti pembangunan ekonomi di SPS adalah lebih elok ditumpukan kepada bidang pertanian seperti perladangan, penangkapan ikan, ternakan ikan sangkar serta penanaman padi.

"Kalau penduduk di sini nak masuk dalam sektor perindustrian, Taman Industri Batu Kawan yang rancak dibangunkan dekat Valdor, Tasek, Byram dan Batu Kawan telah ada.

